

Kadar Tindak Balas Purata

Masa (minit)	0.0	1.0	2.0	3.0	4.0	5.0	6.0	7.0	8.0	9.0	10.0
Isi padu gas (cm ³)	0.0	25.0	40.0	51.0	58.0	63.0	68.0	70.0	70.0	70.0	70.0

1. Hitungkan kadar tindak balas purata bagi keseluruhan tindak balas

- A 10 cm³/min
- B 10 cm³/s
- C 7 cm³/min

2. Hitungkan kadar tindak balas purata dalam minit ketiga

- A 17 cm³/min
- B 1.275 cm³/min
- C 2.1 cm³/min

3. Hitungkan kadar tindak balas purata dalam minit kelapan

- A 1 cm³/min
- B 0.875 cm³/min
- C 0 cm³/min

Masa (minit)	0.0	0.5	1.0	1.5	2.0	2.5	3.0	3.5	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5	7.0
Isi padu gas (cm ³)	0.0	13.5	22.0	28.0	33.0	37.0	40.5	43.0	45.0	47.0	48.0	49.0	50.0	50.0	50.0

4. Hitungkan kadar tindak balas purata bagi keseluruhan tindak balas

- A 8.33 cm³/min
- B 7.14 cm³/min
- C 7.70 cm³/min

5. Hitungkan kadar tindak balas purata dalam minit keempat

- A 11.25 cm³/min
- B 4.5 cm³/min
- C 2.0 cm³/min

6. Hitungkan kadar tindak balas purata dalam satu minit pertama

- A 12 cm³/min
- B 13.5 cm³/min
- C 22 cm³/min

Masa / s	0	30	60	90	120	150	180	210	240
Isipadu gas / cm ³	0	15.00	25.00	32.00	38.00	42.00	46.00	48.00	48.00

7. Hitungkan kadar tindak balas purata bagi keseluruhan tindak balas
 - A 0.23 cm³/s
 - B 0.20 cm³/s
 - C 0.12 cm³/s

8. Hitungkan kadar tindak balas purata dalam minit kedua
 - A 13 cm³/s
 - B 0.22 cm³/s
 - C 3.0 cm³/s

9. Hitungkan kadar tindak balas purata dalam satu minit pertama
 - A 12 cm³/s
 - B 25 cm³/s
 - C 0.42 cm³/s

10. Sekeping pita zink dengan jisim 2.5 g digunakan untuk bertindak balas dengan asid sulfurik. Selepas 12 saat, semua pita zink telah melarut dengan sempurna. Apakah kadar tindak balas puratanya?
 - A 0.21 cm³/s
 - B 0.21 g/s
 - C 0.12 cm³/s

11. Serbuk aluminium ditambahkan pada larutan asid sulfurik yang berlebihan. Tindak balas ini berlaku dengan lengkap dalam masa 40 s dengan 120 cm³ gas hidrogen dikumpulkan. Hitung kadar tindak balas puratanya.
 - A 4.0 cm³/s
 - B 2.0 cm³/s
 - C 3.0 cm³/s

12. Dalam satu eksperimen, serbuk kalsium karbonat ditambah ke dalam asid hidroklorik. Pada minit pertama didapati sebanyak 10 cm³ gas yang terkumpul. Hitungkan kadar tindak balas purata dalam minit pertama.
 - A 10 cm³/s
 - B 10 cm³/min
 - C 15 cm³/min